

Penjara 'takutkan' mat rempit

KUANTAN: Empat hukuman penjara dan denda yang dijatuhkan mahkamah ke atas mat rempit di Pahang dalam tempoh tiga bulan lalu ternyata memberi kesan ketara penurunan aktiviti tidak bermoral berkenaan kalangan remaja.

Ketua Polis Pahang, Datuk Ayob Mohamed, berkata pendedahan media mengenai hukuman kes rempit ternyata turut memberi kesan positif dalam mengurangkan gejala sosial terbabit.

Beliau berkata, hukuman yang dijatuhkan sememangnya menggerunkan mat rempit dan mereka pastinya berfikir dua kali sekiranya mahu melakukan kegiatan berkenaan.

Katanya, kesan positif yang ditunjukkan turut membantu mengurangkan gejala sosial lain termasuk membabitkan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT).

"Dengan publisiti diberikan media ternyata membuka mata semua pihak, malah ibu bapa kini semakin prihatin terhadap pergerakan anak mereka bagi mengelakkan terjebak dalam aktiviti tidak sihat.

"Malah hukuman yang dijatuhkan juga bersifat pengajaran supaya tidak diulangi dan dengan harapan tidak berlaku kepada yang lain," katanya ketika diminta mengulas kesan hukuman penjara terhadap mat rempit di negeri ini.

Beliau berkata demikian pada majlis Pemimpin Bersama Mahasiswa sempena Minggu Induksi Siswa (MINDS) Universiti Malaysia Pahang (UMP), dekat sini, kelmarin. Hadir sama, Naib Canselor UMP, Datuk Prof Dr Daing Nasir Ibrahim.

Seramai 1,563 pelajar baru mendaftar di UMP untuk sesi pembelajaran 2008/2009.

Ayob berkata, masalah sosial membabitkan pelajar IPT mencatatkan kurang daripada satu peratus dan masih terkawal.

"Malah Pahang juga antara negeri mencatatkan statistik jenayah yang rendah dengan sekurang-kurangnya 20 kes dilaporkan sehari," katanya.

Sementara itu, mengulas kedatangannya ke majlis berkenaan, Ayob berkata, ia lebih kepada berkongsi pengalaman serta perjuangan dalam menjaga keselamatan negara dan tanah air.